

26 OCT 1996

ROMBONGAN TYT PULAU PINANG MELAWAT JEPUN

Daripada M.Jegathesan

TOKYO, 26 Okt (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dengan ditemani oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, akan mengetuai rombongan penggalakan pelaburan ke Jepun mulai 31 Oktober ini.

Lawatan selama empat hari itu turut disertai oleh ahli-ahli perniagaan dan beberapa orang ahli Exco Kerajaan Negeri serta sebuah kumpulan kebudayaan bertujuan merapatkan lagi hubungan dengan daerah pendtadbiran Kanagawa, bandar raya kembar Georgetown.

Menurut kenyataan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di sini hari ini, tema misi itu ialah "Persahabatan Melalui Perniagaan dan Liburan."

Antara intipati acara yang akan menggerakkan pelaburan ialah perbincangan panel pada 31 Okt. Anggota panel ialah Mokhzani Mahathir (pengerusi eksekutif Tongkah Holdings), Alfred Teh (pengarah urusan Eng Technologies (M) Sdn Bhd), Tetsuo Tokita (pengarah urusan Sony Electronics) dan Hitoshi Ishimori (pengarah urusan Hitachi Semiconductor (M) Sdn Bhd).

Acara itu akan dipusatkan di Yokohama, salah sebuah pelabuhan utama Jepun terletak di pantai barat Tokyo, dan akan disusuli oleh pertemuan perniagaan secara perseorangan antara usahawan-usahawan Malaysia dan Jepun.

Sebelum perbincangan panel, Dr Koh dengan disertai beberapa orang ahli Exco negeri akan mengadakan rundingan dengan speaker Dewan Perhimpunan Kanagawa, Takaaki Soeda.

Pada 1 Nov, Dr Koh akan melawat Perbadanan TDK, Tokyo dan pada 2 Nov beliau akan melawat pameran di Shin Toshi Plaza di Yokohama yang akan turut mempamerkan kegiatan-kegiatan pembangunan Pulau Pinang.

Acara kemuncak ialah perasmian Pesta Pulau Pinang di taman limbungan, Yokohama.

Antara kegiatan kebudayaan yang diatur untuk pesta itu ialah tarian singa, silat dan beraneka jenis makanan Malaysia.

Rombongan Pulau Pinang itu dijadualkan pulang ke tanah air pada 4 Nov.

-- BERNAMA

JSM SIA